

26 JAN 2001

Mahathir-Tutup

RANCANGAN KEMAJUAN TANAH DITERUSKAN, KATA PERDANA MENTERI

SIK, 26 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan masih meneruskan pelbagai rancangan kemajuan tanah kerana menyedari ia membawa banyak manfaat kepada rakyat.

Kita berasa juga hendak tutup Keda (Lembaga Kemajuan Kedah), Felda dan Felcra, ekoran kerajaan merasakan penubuhannya tidak disenangi rakyat, katanya pada majlis perjumpaan bersama penduduk Keda, Kota Aur dekat sini.

"Kebanyakan rakyat yang tinggal di kawasan terbabit marah kepada kerajaan. Kerajaan terfikir tentu telah melakukan kesilapan kerana menubuhkan rancangan kemajuan tanah itu," katanya.

Perdana Menteri berkata untuk membetulkan keadaan kerajaan bercadang untuk menutupnya, tetapi penduduk yang tinggal di situ, memohon supaya rancangan tanah itu jangan ditutup.

Keda sepatutnya ditutup pada tahun ini tetapi kerajaan melanjutkan tempoh operasinya kepada lima tahun lagi memandangkan ia memberi manfaat kepada penduduk.

Perdana Menteri menegaskan rakyat di negara ini harus lebih bersyukur dan mengucapkan terima kasih atas nikmat yang diperolehi selama ini.

Dr Mahathir turut menasihatkan penduduk yang tinggal di rancangan kemajuan tanah di negara ini berusaha menambah pendapatan dengan menanam tanaman lain seperti limau, tembikai dan kopi.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman dan kira-kira 500 orang penduduk kampung tersebut.

Terdahulu, Perdana Menteri menunaikan solat Jumaat bersama-sama penduduk di Masjid Kampung Sik Dalam di sini.

-- BERNAMA

MAN ZZ JM RI